

# Henti politikkan isu pemindahan Kuil Nagamma

**Kuala Lumpur:** Orang ramai diseru untuk tidak lagi mempolitikkan isu pemindahan Kuil Nagamma, Sentul di sini, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) Dr Zaliha Mustafa.

Beliau berkata perkara itu akan diselesaikan dengan kadar segera, selain

satu perbincangan khas bersama pihak YTL dike tuai Pengarah Eksekutif YTL Land & Development Berhad Datuk Hamidah Bakar diadakan bagi membincangkan perkara berkenaan kelmarin.

“Secara keseluruhannya, saya mendapati perbin cangan tersebut merupakan

satu perbincangan yang positif dan saya yakin perkara ini dapat diselesaikan dengan baik.

“Saya akan memastikan perkara ini diselesaikan dengan segera dan menyeru semua pihak agar tidak lagi mempolitikkan isu ini demi kebijakan dan kesejahteraan warga Wilayah Perse

kutuan,” katanya menerusi hantaran di laman Face book rasminya kelmarin.

Perbincangan itu turut dihadiri Timbalan Menteri Perpaduan K Saraswathy, Ahli Parlimen Batu P Prabakaran, wakil Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan wakil Malaysia Hindu Sangam.